

27 JAN 2002

Lim-Pekerja

SEKTOR PERLADANGAN TIDAK TERJEJAS TANPA PEKERJA INDONESIA

SEREMBAN, 27 Jan (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Lim Keng Yaik berkata sektor perladangan di negara ini tidak terjejas ekoran tindakan kerajaan menjadikan pekerja Indonesia sebagai pilihan terakhir bagi mendapatkan tenaga kerja.

Beliau berkata setakat ini sektor itu mempunyai tenaga kerja yang mencukupi.

"Walaupun pada masa ini, ramai pekerja di sektor perladangan adalah warganegara Indonesia, tetapi mereka diambil secara kontrak. Jadi dalam hubungan ini, kita tidak akan mengambil pekerja baru dari Indonesia tetapi beralih kepada pekerja dari negara lain," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat pemilihan parti Gerakan tahun 2002 di Wisma Gerakan, di sini, hari ini.

Beliau berkata kemasukan pekerja Indonesia perlu dikawal supaya ia tidak menimbulkan pelbagai masalah pada masa depan.

Lim, yang juga Presiden Gerakan, berkata beberapa kejadian jenayah termasuk rusuhan di asrama kilang tekstil di Nilai dan pergaduhan di Dengkil baru-baru ini menunjukkan mereka berani melanggar undang-undang negara ini.

"Kita tidak boleh bertolak ansur dalam perkara seperti itu. Kejadian seperti itu tidak boleh dibiarkan lagi dan kerajaan perlu memikirkan cara bagaimana mengambil pekerja dari negara lain.

"Jika dulu kerajaan memberi keutamaan untuk mengambil pekerja Indonesia tetapi sekarang perlu memikirkan pengambilan pekerja dari negara lain," katanya.

Mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan lebih banyak Rukun Tetangga (RT) di negara ini, beliau berkata RT perlu diperluaskan.

"Kita perlu mengadakan kumpulan RT termasuk Rela untuk turut mengawal kawasan sempadan dan pantai bagi menyekat kemasukkan pendatang tanpa izin dan sebagainya.

"Walaupun kita mempunyai pihak berkuasa seperti polis dan tentera untuk mengawal kemasukkan pendatang tanpa izin tetapi ini tidak mencukupi. Anggota RT ini boleh menjadi mata dan telinga pihak berkuasa walaupun mereka tidak mempunyai kuasa untuk menangkap," katanya.

-- BERNAMA

RP NAK